


Sejauh Mana GABEM Mampu Majukan Ekonomi Melayu?

Era Baru - 20/4/2007.



"Kita harus berlumba-lumba di dalam bidang ekonomi sepertimana orang Melayu berlumba untuk menguasai politik," ujar Pak Lah.

Teks & Foto: HAMDAN MS


GAGASAN Badan Ekonomi Melayu (GABEM) adalah merupakan satu badan ekonomi yang melaksanakan landasan untuk memperkayakan ekonomi khususnya orang Melayu selain juga adalah untuk meningkatkan permuafakatan peniaga Melayu, jabatan kerajaan dan GLC.

Menurut Pengerusi GABEM, Tan Sri Rahim Tamby Chik iaitu, menjelang tahun 2020, dengan adanya GABEX, maka akan dapat dilihat bahawa ekonomi negara ini akan dikuasai oleh orang Melayu sebanyak 60%. GABEM pula menitikkan 5 kepentingan iaitu, meningkatkan pemuafatan, meningkatkan kepimpinan, mencegah ketirisan, jihad ekonomi dan memapankan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera generasi baru.

Setelah penubuhan GABEM, GABEX ditubuhkan untuk menjalankan latihan bagi mengubah minda dan meningkatkan kecemerlangan, ianya akan menggembelngkan semua tenaga dan sumber usahawan Melayu ke arah perubahan minda dan sekaligus mengangkat Melayu ke atas "fast track" yang mampu menjadikan kaum Melayu berjaya dan dapat mengawal sesebuah perniagaan.

GABEX telah dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri pada 9 Mac 2007 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Seramai 1500 orang usahawan Melayu telah hadir di Kongres Jihad Ekonomi selama 2 hari itu.

Di Kongres ini, peserta berdialog dan juga membincangkan tentang peluang untuk melebarkan perniagaan mereka, di samping menambahkan jaringan usahawan



"Orang Melayu mendapat "sakit perut yang kronik" bila bercakap mengenai "ekonomi," kata Tan Sri Rahim sewaktu berucap di pelancaran GABEX.

mereka.

Selain daripada itu, syarikat GLC juga terlibat di dalam Kongres ini yang turut juga dianjurkan bersama dengan Pemuda UMNO dan YADIM.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berasa kesal kerana kaum bumiputera masih tidak mampu bersaing dan sentiasa mengharapkan subsidi serta memberikan tender kepada kaum Cina untuk melaksanakannya. Justeru, Pak Lah juga menyarankan supaya kaum Melayu bertindak awal untuk mengesan peluang-peluang yang baru.

MARTABAT

Pelaburan ke luar negara juga telah membuktikan bahawa kaum Melayu boleh pergi jauh dengan usaha dan rajin mendapatkan peluang di negara luar. Malah Pak Lah ka gum dengan beberapa peniaga Melayu yang mengeksport barangan tempatan ke negara luar seperti Afrika dan India.

Pak Lah berasa amat yakin bahawa GABEM yang diterajui oleh Tan Sri Thamby Chik mampu pergi jauh dan akan berjaya mengangkat martabat ekonomi Melayu. Pak Lah meletakkan harapan tinggi terhadap agar

Tan Sri Rahim mampu melaksanakan tugas beliau sebagaimana yang beliau lakukan ketika menjadi Ketua Menteri Melaka dan juga sebagai Ketua Pemuda satu ketika dahulu.

Tan Sri Rahim adalah calon yang paling sesuai untuk GABEM, tambahan pula mendapat pujian dari ahli Kongres tentang idea Tan Sri yang bernas dan program yang tersusun rapi.

< Pak Lah mengucapkan tahniah kepada pemenang anugerah sewaktu merasmikan GABEX di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

> Sebahagian daripada peserta dan para jemputan dari seluruh negara yang hadir di Kongres Jihad Ekonomi yang dianjurkan oleh GABEM.



Pak Lah memukul gong, yang menandakan perasmian Kongres Jihad Ekonomi sambil disaksikan oleh Datuk Seri Mohamad Khir Toyo, Datuk Hishamuddin Tun Hussein serta orang kuat GABEM, Tan Sri Rahim Tamby Chik.



DENGAN SEMANGAT... Pak Lah bersemangat menyanyikan lagu Negaraku dan UMNO dengan diiringi bersama oleh Datuk Seri Mohamad Khir Toyo dan Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Diharapkan agar GABEM akan terus memantau dan sentiasa menjadikan kaum Melayu yang Terbilang di dalam bidang ekonomi.

Adalah juga menjadi harapan rakyat Malaysia terutamanya golongan Melayu untuk maju dan dapat duduk setaraf dengan kaum lain.

